

Headline	Contohi inisiatif TNB bina kediaman impian		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	07 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Page No	9
ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 26,825		



## Contohi inisiatif TNB bina kediaman impian

**Melaka:** Kerajaan negeri memuji konsep bantuan membaik pulih dan membina baharu kediaman menerusi projek Baiti Jannati TNB yang menggunakan peruntukan agihan semula zakat perniagaan.

Ketua Menteri, Adly Zahari, berkata pendekatan kreatif itu memberi makna cukup besar kepada penerima bantuan terutama mereka yang tidak berkemampuan sehinggalah TNB menjadikan impian menjadi suatu kenyataan.

"Sesungguhnya program ini adalah satu inisiatif suci lagi murni yang wajar dicontohi pihak lain. Saya secara peribadi dan ba-

gi pihak kerajaan negeri gembira kerana MAIM menerima pendekatan ini dan bekerjasama rapat dengan TNB bagi menjayakannya," katanya pada Majlis Kesyukuran projek Baiti Jannati TNB 2019 Peringkat Negeri Melaka di Lot 79, Kampungku Sayang, Mukim Semabok.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Bukit Katil, Datuk Bakrin Sidek.

Adly berkata, TNB ketika ini sedang giat memasang meter pintar di seluruh Melaka dan ia berjalan lancar walaupun rakyat ber-

depan sedikit permasalahan berikutan gejala bil tinggi.

"Namun, gejala itu didapati bukan hanya di Melaka, bahkan di negeri lain yang belum memasang meter pintar. Kita agak risau dan meminta TNB menanganinya dan nampaknya mereka mengambil langkah sewajarnya.

"Selain Melaka terpilih negeri pertama yang dipasang meter pintar, kita juga bertuah apabila penduduk Jasin terpilih menikmati kemudahan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi sempena Projek Rintis Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) tahun lalu," katanya.

